

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Kuala Langat/Sepang)

TARIKH: 29 DISEMBER 2017

M/S : 22

Tahap kesedaran penduduk **masih lemah**

MDKL proaktif atasi isu sampah haram di kampung-kampung tradisi

BANTING - Isu sampah haram yang berlaku di Kuala Langat berpunca daripada pengurusan sampah di kawasan kampung tradisi dan pelupusan sampah pukal yang tidak termasuk di dalam spesifikasi pembersihan kontraktor sisa pepejal lantikan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, atas inisiatif Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), satu kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti punca aktiviti pembuangan sampah haram.

Menurutnya, mengikut statistik April hingga November 2017 sahaja, pihak MDKL telah menjalankan sebanyak 30 kali kerja-kerja pembersihan sampah haram yang terdapat di kawasan kampung tradisi.

"Atas permasalahan tersebut, pihak kerajaan negeri melalui MDKL telah melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah di kampung-kampung tradisi dengan harapan dapat mengurangkan pertambahan lokasi sampah haram di daerah ini," katanya.

Mohamad Zain berkata, sebanyak 175 unit tong



Antara lokasi longgokan sampah haram di sebuah kampung tradisi.

INFO • Dari April hingga November 2017, MDKL telah menjalankan sebanyak 30 kali kerja-kerja pembersihan sampah haram

sampah MGB 660 liter telah dibekalkan melalui peruntukan kerajaan negeri ke 36 kampung tradisi di daerah ini di mana sampah yang dikutip hanyalah sampah domestik.

Beliau berkata, pihaknya juga telah mengadakan perjumpaan bersama penghulu, ketua kampung

dan juga Ahli Majlis Daerah Kuala Langat kelmarin bagi mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut.

"Hasil perbincangan itu juga kita dapati sikap masyarakat dan penduduk itu sendiri yang menyumbang kepada masalah ini.

"Kebanyakan ketua kampung maklum penduduk sendiri buang sampah sesuka hati...mereka sengaja buang sampah di luar tong sampah," katanya.

Bagaimanapun, MDKL memuji pengurusan jawatankuasa kampung Sijangkang mendirikan sebuah pondok bagi memudahkan penduduk

yang menaiki kereta untuk membuang sampah.

"Akan tetapi kemudahan ini langsung tidak dihargai oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dengan terus membuang sampah di luar tong sampah yang disediakan.

"Paling kesal, ada pula yang membakar tong sampah sesuka hati.

"Oleh sebab itu, pihak kami sentiasa pastikan anggota penguat kuasa menangkap mereka yang tidak membuang sampah ke dalam tong dan tindakan tegas bakal dikenakan dengan kompaun maksimum tanpa berkompromi," katanya.